


**Bahagian A**  
[40 markah]  
Jawab **semua** soalan.

1. Pada 1 Februari 1949, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-Raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Di bawah merupakan faktor-faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

a)



Nyatakan faktor X dan Y.

- i. X : .....
- ii. Y : .....

[2 markah]

- b) Huraikan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 pada 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Pada pendapat anda, mengapa orang Melayu menerima perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berbanding perjanjian Malayan Union 1946?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan yang dilantik berkongsi latar belakang pengajian dalam bidang undang-undang dan berpengalaman dalam sistem Perundangan Komanwel yang sama.

a) Nyatakan **tiga** anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....

[3 markah]

b) Jelaskan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

c) Sikap prihatin dan terbuka yang berterusan dizahirkan dalam penggubalan perlembagaan negara yang merdeka. Bahaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Kedaulatan negara dapat mewujudkan kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat Malaysia.

a) Jelaskan kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

b) Nyatakan tiga kesan kepada negara kita hasil dari kecemerlangan hubungan luar negara.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

c) Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama rakyat dan pemerintah dalam mengekalkan kedaulatan negara.

***“Kedaulatan negara bergantung pada warganya yang bersatu”***

*Titah Duli Yang maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan  
Nazrin Muizuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-  
Maghfur-Lah*

*Sumber: Berita Harian, 10 November 2018*

Ulasakan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) merupakan salah satu langkah pembentukan Malaysia. Di bawah merupakan sebahagian ahli JSKM.



- a) Senaraikan dua peranan jawatankuasa ini.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- b) Nyatakan empat tujuan penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

i. ....  
ii. ....  
iii. ....  
iv. ....

[4 markah]

- c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimana generasi muda kini dapat mempertahankan keamanan negara kita?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....


[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. Penyerahan Sarawak kepada British pada 1 Julai 1946 telah menimbulkan pelbagai reaksi penduduk tempatan.
- a) Mengapa penduduk Sarawak tidak menerima penyerahan tersebut? [6 markah]
- b) Jelaskan kronologi Peristiwa Sungkit Berdarah yang dilakukan oleh Kumpulan Rukun 13. [6 markah]
- c) Teliti sajak “*Panggilan Mu Yang Suci*” karya asli Rosli Dhoby di bawah.



Berdasarkan sajak tersebut, apakah mesej yang cuba di sampaikan oleh penulis dan usaha anda untuk meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakan sekolah.

[8 markah]



6. Tempoh darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan.

a) Jelaskan kesan darurat di negara kita dari aspek;

i) Politik

[6 markah]

ii) Sosioekonomi

[6 markah]

b) Teliti poster infografik di bawah.



Jelaskan maklumat yang terkandung dalam poster infografik di atas dan usaha kerajaan bagi memastikan keamanan negara kekal terjamin.

[8 markah]

7. Sistem Persekutuan di negara kita terbentuk berdasarkan landasan sejarah tersendiri. Sejak merdeka, prinsip Persekutuan menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri dan memberikan manfaat kepada kesejahteraan negara.

- a) Bagaimana Keluhuran Perlembagaan mengukuhkan Persekutuan? [6 markah]
- b) Huraikan peranan Majlis Negara di bawah berdasarkan peruntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- i) Majlis Kewangan Negara [2 markah]
- ii) Majlis Tanah Negara [2 markah]
- iii)Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan [2 markah]
- c) Baca petikan di bawah dengan teliti.

PUTRAJAYA: Kerajaan Persekutuan menambah baik pemberian dan sokongan kepada kerajaan negeri menerusi Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2023. Antaranya ialah meningkatkan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) kepada RM400 juta.

Kementerian Kewangan akan menambah peruntukan sebanyak RM250 juta bagi penyelenggaraan berkala Jalan Persekutuan supaya sentiasa selamat dan selesa untuk kegunaan rakyat.

Bagi tujuan penambahbaikan ke atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, Kementerian Kewangan bersetuju mempertimbangkan dan meminda kaedah pengeluaran kepada secara bayaran kemajuan kerja melibatkan pinjaman baharu bagi projek-projek pembangunan di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia.

Pemberian-pemberian ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerajaan negeri bagi demi pembangunan negara lebih seimbang selaras dengan gagasan Malaysia Madani.

*Sumber ubah suai: <https://www.utusan.com.my>*

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

[8 markah]

8. Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRPJ1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990) ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat. Usaha ini diteruskan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

- a) Terangkan strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [6 markah]
- b) Gambar di bawah merupakan strategi yang dilakukan dalam pelaksanaan DPN. Huraikan strategi tersebut.



[6 markah]

- c) Teliti laporan berita berikut.

**KUALA LUMPUR:** Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan menganjak pertumbuhan di sebalik cabaran pasaran global. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kadar inflasi menurun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023.

Pengangguran juga berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik sebanyak 3.4 peratus pada Jun lalu berbanding 3.5 peratus bulan sebelumnya.

Langkah-langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia serta menjamin pembangunan inklusif untuk rakyat. Beliau berkata, aspek tumpuan termasuklah menambah baik proses untuk mengendalikan perniagaan, membawa pelaburan-pelaburan berkualiti untuk menjana pekerjaan bergaji lebih tinggi, memastikan tatakelola baik, dan memperkukuh perkhidmatan awam yang berkualiti serta prasarana yang lebih baik bagi mempertingkatkan mutu hidup rakyat.

Sumber : *Laporan Bernama 18 ogos 2023*

Huraikan maklumat yang terkandung dalam berita tersebut dan cadangan bagi mengatasi masalah ekonomi semasa.

[8 markah]

9. Malaysia memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi antarabangsa. Suara Malaysia agar negara memperoleh layanan yang adil daripada negara maju sering didengar dalam forum antarabangsa.
- a) Jelaskan usaha Malaysia dalam menangani masalah kemelesetan ekonomi negara pada tahun 1997-1998. [6 markah]
- b) Huraikan peranan Malaysia dalam ASEAN Free Trade Area – AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN). [6 markah]
- c) Teliti poster di bawah.

**BELANJAWAN 2025**

**PERTINGKAT EKONOMI & KEMASLAHATAN RAKYAT**



**MENAIKKAN SILING**  
Kearah Kuasa Ekonomi Utama Asia

- Perbanyak aktiviti nilai tambah tinggi seperti E&E, peringkat daya saing, dan penggunaan automasi serta digitalisasi.
- Dorongan kepada peralihan tenaga dan AI melalui startup dan inovasi pembiayaan patuh syariah.

**MENAIKKAN LANTAI**  
Meninggikan Kualiti Hidup Rakyat dan Keadilan Sosial

- Perkasa sistem sosial buat golongan rentan dengan sokongan NGO.
- Terima cadangan penambahbaikan kualiti perkhidmatan awam secara terbuka.

**TATAKELOLA**  
Menggembleng Tenaga bagi Kekal Integriti

- Keyakinan pelabur dalam Malaysia kekal utuh atas faktor kemudahan berurusan dan ketelusan.
- Perbanyak usaha mengurangkan kerenah birokrasi melalui sumbangan cadangan dan idea orang ramai.

Jelaskan maklumat yang terdapat pada poster tersebut dan cabaran negara dalam menghadapi krisis ekonomi global.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT